

R B386 BAH
ABDULLAH - MENINGGAL

ALOR SETAR, 4 OGOS (BERNAMA) -- ABANG IPAR PERDANA MENTERI,
ABDULLAH PACHIK, 72, MENINGGAL DUNIA DI PUSAT PERUBATAN PAKAR UTARA
DI SINI AWAL PAGI INI KERANA SAKIT LELAH.

MENURUT ADIK ALLAHYARHAM, HAJI MUKHTI PACHIK, ABANGNYA
DIMASUKKAN KE PUSAT PERUBATAN ITU PADA 14 JULAI LEPAS DAN MENINGGAL
DUNIA KIRA-KIRA PUKUL 1.30 PAGI.

ALLAHYARHAM IALAH SUAMI KEPADA ALLAHYARHAM JOHARA MOHAMAD, KAKAK
PERDANA MENTERI, DATUK SERI DR MAHATHIR MOHAMAD. ALLAHYARHAM
MENINGGALKAN SEORANG ANAK, PUAN AZIAN ABDULLAH, DAN BEBERAPA ORANG
CUCU.

JENAZAH ALLAHYARHAM DIKEBUMIKAN PAGI INI DI TANAH PERKUBURAN
ISLAM MASJID AKAR PELURU, JALAN PEGAWAI.

YANG DIPERTUA NEGERI MELAKA, TUN SYED AHMAD SHAHABUDDIN, DAN
ISTERINYA ADALAH ANTARA ORANG KENAMAAN YANG MENZIARAHI JENAZAH
ALLAHYARHAM DI RUMAHNYA DI LORONG KILANG AIS, SEBERANG PERAK, DI
SINI. -- BERNAMA
1329MST 04 08 89